

MAHATHIR - BMF 222

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 31 OKT (BERNAMA) -- LAPORAN AWAL PERTAMA KES PINJAMAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) AKAN DIKELUARKAN KEPADA UMUM TIDAK LAMALAGI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SIDANG KABINET HARI INI TELAH MENYEMAK LAPORAN TERSEBUT DAN SEBULAT SUARA BERSETUJU DIKELUARKAN SEPENUHNYA UNTUK PENGETAHUAN UMUM. LAPORAN ITU SEGERA

+ KAMI MENYETUJUI LAPORAN ITU DIKELUARKAN SEGERA. AKAN MENGETAHUI KANDUNGAN PENUH LAPORAN TERSEBUT DAN PROGRAM I APA-APA YANG DISEBUNYIKAN, + KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA LAPORAN ITU HANYA LAPORAN AWAL, TIDAK ADA SYOR YANG DIBUAT, TETAPI HANYA MENGANDUNGI FAKTA-FAKTA BERKAITAN DENGAN PINJAMAN LEBIH \$2 RIBU JUTA YANG DIBERIKAN OLEH BMF KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT HARTA DI KEBANYAKANNYA KEPADA KUMPULAN CARRIAN YANG DIBUBARKAN HONG KONG,

LAPORAN ITU YANG DISEDIAKAN OLEH SATU JAWATANKUASA KHAS PENYIASATAN DIKETUA OLEH KETUA ODIT NEGARA, TAN SRI AHMAD NOORDIN TELAH DIKEMUKAKAN KEPADA KABINET MINGGU LALU, TETAPI PERBINCANGAN MENGENAINYA DITANGGUHKAN KERANA KABINET TIDAK ADA MASA UNTUK MENKAJI KANDUNGANNYA. -- LAGI.

1553MST 31 10 84

10 27 20 000

MAHATHIR - BMF 2 KUALA LUMPUR

LAPORAN ITU DIKATAKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA ASPEK TEKNIKAL P L N J AMAN YANG DIBERIKAN OLEH BMF KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERIBU PEJABAT PI HONG KONG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN KERAJAAN AKAN MENGELUARKAN LAPORAN UNTUK PENGETAHUAN UMUM MENGENAI NAHAS KAPAL TERBANG AIRBUS MAS BULAN DISEMBERTAHUN LALU. LAPORAN ITU JUGA TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT KABINET HARI INI.

MENTERI PENGANGKUTAN, TAN SRI CHONG HON NYAN YANG MENGEMUKAKAN SYOR-SYOR YANG TERKANDUNG LAPORAN ITU BERKATA KABINET TELAH MENEAIMA DALAM LAPORAN TERSEBUT DAN BERSETUJU LAPORAN ITU DIKELUARKAN KEPADA UMUM SECEPAT MUNGKIN.

+ KABINET TELAH MEMUTUSKAN SUPAYA LAPORAN LENGKAP DIKELUARKAN UNTUK PENGETAHUAN UMUM DAN SAYA AKAN BERBUAT DEMIKIAN SECEPAT MUNGKIN APABILA SEMUA PERSIAPAN TERMASUK URUSAN MENCETAK LAPORAN TERSEBUT SELESAI, + TAMBAHNYA.

LAPORAN ITU MENGANDUNGI HASIL PENYIASATAN SEBUAH JAWATANKUASA PENYIASAT YANG DIKETUA OLEH PENGARAH SXASATAN JABATAN PENERBANGAN AWAM, BRIG.-JEN. OMAR MAT SAMAN.

KAPAL TERBANG AIRBUS MAS DARI SINGAPURA YANG MEMBAWA 247 PENUMPANG TERHEMPAS DEKAT LANDASAN KAPAL TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DISUBANG SEMASA RIBUT PADA 19 DIS 1983. BAGAIMANA PUN TIDAK ADA SESIAPA YANG CEDERA.

-- BERNAMA.

1604MST 31 10 84